



اُيْتِمُ تِكْنُولُوجِي مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

*UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN*

EDISI 2
APRIL 2025

U
R
H
P

UiTM *di hatiku*

اوسمها تقوى موليا

KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN PELAJAR: PERANAN URHP DALAM MENJAGA KEBAJIKAN MAHASISWA

Aina Qistina Jamirosyadi

Perjalanan hidup dan liku-liku sebagai mahasiswa bukan hanya tentang menimba ilmu di bilik kuliah, tetapi juga melibatkan aspek kehidupan harian seperti tempat tinggal, kemudahan, dan keselamatan di kampus. Dalam usaha memastikan kesejahteraan mahasiswa, Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar (URHP) UiTM Seremban 3 memainkan peranan penting dalam mengurus serta meningkatkan kemudahan kediaman pelajar.

Dahulunya dikenali sebagai Unit Pengurusan Kolej, Unit Residensi dan Hospitaliti Pelajar (URHP) tetap kekal utuh demi menjamin kebajikan mahasiswa. Salah satu aspek utama yang diberi perhatian oleh URHP adalah keselamatan pelajar di kolej kediaman.

Dengan adanya kawalan keselamatan yang ketat, sistem serta kehadiran staf residen yang bertindak sebagai penghubung antara pihak pengurusan dan pelajar, URHP memastikan persekitaran yang kondusif dan selamat untuk semua penghuni.

URHP bukan sahaja bertanggungjawab dalam menguruskan kemudahan kolej, tetapi juga memainkan peranan dalam menyokong kesejahteraan mental dan emosi pelajar. Barisan staf residen kolej dan pihak pengurusan sentiasa bersedia membantu pelajar yang menghadapi kesulitan atau memerlukan bimbingan dalam pelbagai aspek kehidupan kampus.

